

29 MAY 1996

SAEAGA AIRLINES NAK TERAJUI PENUBUHAN PENERBANGAN ASEAN

MIRI, 29 Mei (Bernama) -- Saeaga Airlines dari Malaysia, sebuah anak syarikat Ekran Bhd bercadang akan menerajui penubuhan Asean Airlines, kata pengerusi eksekutifnya, Tan Sri Ting Pek Khiing hari ini.

Ting berkata beliau akan berlepas ke Manila hari ini untuk menemui Presiden Fidel Ramos dari Filipina untuk membincangkan syarikat penerbangan rantauan tersebut.

"Saya akan berada di sana (Manila) selama dua hari untuk mesyuarat itu," katanya kepada pemberita di sini sambil menambah beliau kurang pasti siapakah yang diundang oleh Ramos.

Katanya cadangan penubuhan Asean Airlines telah dibincangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ramos ketika mereka bertemu di Tokyo baru-baru ini.

Sekiranya cadangan itu membuahkan hasil, Saeaga Airlines akan menubuhkan syarikat penerbangan yang lebih besar untuk mengadakan penerbangan ke negara-negara Asean di mana setiap negara akan diperuntukkan beberapa peratusan saham di dalam syarikat penerbangan yang baru ini.

Serentak dengan itu, pegangan ekuiti kerajaan negeri Sarawak dan Sabah didalam syarikat itu akan dikurangkan, katanya.

Katanya penubuhan syarikat penerbangan serantau itu akan memudahkan pemilikan hak pendaratan serta memupuk industri pelancongan di kalangan negara Asean.

Bagaimanapun, kata Ting, sementara menantikan cadangan itu menjadi kenyataan, Saeaga Airlines akan meneruskan rancangannya menyediakan penerbangan di Sabah dan Sarawak pada peringkat awal dan kemudian diperluaskan ke Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA).

Mengenai penerbangan secara langsung Saeaga Airlines ke Pulau Layang-Layang dan Mulu dari Miri dan Kota Kinabalu, beliau berkata sambutannya buat masa sekarang cukup menggalakkan.

Syarikat itu akan memasuki peringkat kedua operasinya, yang termasuk antaranya, penerbangan dari Kuching ke destinasi-destinasi tersebut.

Ting berkata syarikat penerbangan itu akan mempunyai empat buah pesawat tambahan menjelang akhir tahun ini.

Buat masa sekarang Saeaga Airlines mempunyai tiga buah pesawat jenis CRJ, siri Dash-8 300 dan siri Dash-8 200. -- BERNAMA

AHM MA